

28 JUN 1999

Samy-Calon

MIC TELAH BERSEDIA DENGAN CALON PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Ketika kebanyakan parti komponen Barisan Nasional (BN) belum menetapkan calon untuk bertanding pada pilihan raya umum yang akan diadakan bila-bila masa, MIC bagaimanapun telah memilih calon-calonnya.

Malahan, kata presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu pemilihan itu telahpun diputuskan enam bulan lepas.

Semasa bercakap kepada pemberita di sini hari ini, beliau berkata sehingga 60 peratus daripada calon-calon itu merupakan muka baru manakala calon wanita bertambah.

Katanya nama-nama calon untuk kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang disenaraikannya itu bagaimanapun tidak boleh didedahkan sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen.

"Saya bukan mahu tipu sesiapa. Saya sudah tetapkan enam bulan dulu (calon) mana satu yang boleh, mana satu yang tidak boleh.

"Sesetengahnya (penyandang) akan ditukar, 50 hingga 60 peratus boleh ditukar," katanya selepas menyampaikan cek bernilai RM50,000 sumbangan MIC kepada Margaret C. Francis, ibu mendiang Audrey Melissa, pelajar Sekolah Menengah (Perempuan) Methodist yang menjadi mangsa bunuh-rogol pada 18 Mei lepas.

Samy Vellu berkata langkah MIC menyenaraikan muka baru pada pilihan raya itu bertujuan untuk memberi peluang kepada calon yang lebih muda, berpendidikan serta berpengalaman sebagai persediaan bakal pemimpin menjelang abad ke-21.

"Seperti juga di Dewan Undangan Negeri beberapa negeri, kita beri peluang kepada (calon) orang baru dan wanita kali ini," katanya.

Beliau berkata jentera pilihan raya MIC telah bersedia sepenuhnya menjelang pilihan raya itu dan akan terus digerakkan apabila pembubaran Parlimen diumumkan.

-- BERNAMA

RZS AHH RON